

Audio digital era baru bidang penyiaran negara

UM 25 NOV 2001
PUTRAJAYA 24 Nov. — Bidang penyiaran negara memasuki era baru dengan pelancaran sistem penyiaran audio digital Worldspace oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Sistem yang dipelopori oleh Asiaspace Dotcom Sdn. Bhd. itu berupaya menyediakan kemudahan penyiaran audio digital meliputi radio tempatan dan luar negara untuk rakyat Malaysia di mana iua mereka berada.

Dalam ucapan ringkasnya, Dr. Mahathir berkata, sistem ini amat baik untuk membantu menyalurkan maklumat terkini kepada rakyat Malaysia selain memperbaiki tahap pengetahuan mereka tentang perkembangan semasa di luar negara.

“Dunia hari ini yang bersepadu memperlihatkan kebanyakan

negara dan rakyatnya menikmati pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang membolehkan mereka mendapat faedah daripada teknologi baru.

“Usaha Asiaspace Dotcom umpamanya membolehkan banyak stesen penyiaran di negara ini mendapat maklumat daripada serata pelosok dunia melalui perkhidmatan yang disediakan,” kata beliau.

Dengan pelancaran sistem tersebut mulai hari ini, Asiaspace Dotcom akan memasarkan alat penerima audio digital Worldspace yang membolehkan pengguna mendapat siaran daripada 24 saluran antaranya CNN, Bloomberg, BBC dan beberapa Saluran radio satelit serantau dan Worldspace termasuk rancangan radio dari Indonesia, Thailand dan Filipina.